

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Thursday, 4 May, 2017 3:20 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub; Dr. Mohd Azril Bin Ismail
Subject: INASIS MAS ONLINE: PROGRAM MOCK DEBAT (PROGRAM PLATFORM MEMARTABATKAN DEBAT DI PERINGKAT UNIVERSITI)



4 MEI 2017, KHAMIS | 7 SYAABAN 1438H



INASIS MAS ONLINE: Mahasiswa UUM menyertai program Mock Debat anjuran Jawatankuasa Kepimpinan dan Pembangunan Siswa (JKPS) Inasis MAS UUM bertempat di pentas utama MAS HEYDAY'17 yang diadakan pada 10 Mac yang lalu.

Pengarah program, Farah Hanim Fadzil berkata, program ini merupakan program intelektual yang pertama kali dianjurkan oleh Inasis MAS. Program ini merupakan salah satu inisiatif dalam menyahut seruan TNC HEPA UUM, Prof. Madya Dr. Abdul Malek Abdul Karim dalam memartabatkan debat di kalangan mahasiswa UUM.

Kemahiran berdebat merupakan kemahiran yang diperlukan oleh mahasiswa dalam meningkatkan kebolehpasaran mahasiswa. Keunikan program Mock Debat terletak kepada cara penyampaian debat yang berbentuk santai dan melibatkan unsur-unsur *humor* di samping pelbagai ilmu dapat dikongsi bersama mahasiswa.

Para pendebat bagi program Mock Debat terdiri daripada mahasiswa yang aktif di dalam setiap peringkat di UUM seperti M.Shahadat Nordin, Fakhru Aznan, Zariq Aziz dan juga para pendebat UUM iaitu Safiuddin, Azmir Shah, dan Athirah.

Topik perdebatan yang dipersetujui oleh majoriti mahasiswa UUM yang diambil daripada undian adalah Donald Trump petanda kegelapan dunia. Hal ini menunjukkan bahawa mahasiswa UUM mempunyai pandangan dan informasi yang luas samada dalam Malaysia atau di peringkat dunia.

Perkongsian pendapat secara santai menggalakkan mahasiswa berfikir di luar kotak sekaligus meningkatkan kebolehpasaran dalam memastikan mahasiswa UUM berpandangan luas. Setiap mahasiswa digalakkan untuk mengambil peluang untuk melibatkan diri dalam arena perdebatan kerana banyak kelebihan yang ditawarkan.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.